

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

PKD Johor Bahru arah lakukan pembersihan sebelum dibenarkan dibuka semula

# Kantin hospital ada tikus ditutup

**J**OHOR BAHRU – Kantin Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini ditutup dua minggu bermula kelmarin selepas pemeriksaan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Johor Bahru mendapati pengusaha premis itu gagal mematuhi beberapa piawaian mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Selahuddeen Abd. Aziz (gambar kecil) berkata, pemeriksaan oleh PKD Johor Bahru ke atas kantin itu dilakukan susulan aduan gambar tular memaparkan seekor tikus di sebuah kantin.

"Arahan penutupan kantin (HSI) telah dikeluarkan bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh dijalankan."

"Kantin itu hanya akan dibenarkan dibuka semula apabila



tahap kebersihan dapat dicapai dengan sempurna dan mematuhi syarat-syarat ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selahuddeen membe-ritahu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan HSI akan sentiasa memantau dan memastikan pelaksanaan aktiviti pencega-han kerrosakan serta kawalan makhluk perosak dijalankan oleh pihak konsesi dan aktiviti pembersihan juga dilakukan oleh pengusaha kantin.

JKNJ juga ingin memaklumkan kerja kawalan serangga dan haiwan perosak merupakan satu daripada skop kerja penyeleng-garaan *Planned Preventive Maintenance* (PPM) dalam program penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital.

"Syarikat konsesi yang dilan-tik akan menjalankan kawalan



GAMBAR seekor tikus (bulatan) yang didakwa ditemui di kantin Hospital Sultan Ismail tular di media sosial baru-baru ini.

tikus melalui pemeriksaan rutin dan PPM iaitu pada setiap hari dan setiap bulan dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti umpan dan perangkap serta menutup lajuan tikus dan penghapusan tempat pembia-kannya," jelas beliau.



KANTIN yang diarah tutup terletak di kawasan Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

Selain itu, beliau berkata, operator kantin juga mesti menjalankan aktiviti kawalan serangga serta haiwan perosak kerana pelaksanaan tersebut merupakan antara skop kontrak serta tanggungjawab operator kantin dengan pihak hospital.

Pada 2017, sebanyak enam kantin atau kafeteria di hospital kerajaan pernah diarah tutup sementa-

ra setelah pemeriksaan mendapati tahap kebersihannya rendah termasuk peneruan tikus.

Kantin tersebut terletak di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang; Hospital Muar dan Hos-pital Pulai di Johor; Hospital Shah Alam dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang, Se-langor dan Pusat Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

# Kerjasama mula dilaksanakan

Foto: BERNAMA



Dr Dzulkefly (dua, kanan) bertanyakan sesuatu kepada Pesakit Kanser Limfoma, Norizah Mohd Noor, 42, (kanan) ketika membuat kunjungan sempena Tahun Baru Cina di Hospital Ampang, semalam.

## *Antara hospital awam dan swasta bagi tambah baik sistem kesihatan*

KUALA LUMPUR

**U**saha untuk meningkatkan kerjasama antara hospital awam dan swasta bagi menambahbaik sistem kesihatan di negara ini telah mula dilaksanakan selepas penubuhan Majlis Penasihat Kesihatan bulan lepas.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ko-

laborasi itu diyakini dapat membantu hospital awam khususnya dalam menangani isu kekurangan tenaga pakar dan fasiliti, selain beban kerja yang tinggi dan kos rawatan yang semakin meningkat.

"Terdapat beberapa hospital swasta sudah menyatakan niat murni mereka untuk bekerjasama. Jadi, kita sangat mengalu-alukan kedatangan mereka," katanya kepada pemberita selepas membuat kunjungan ke Hospital Ampang, semalam.

Beliau meluangkan masa selama dua jam melawat pesakit kanser di wad hematologi di hospital berkenaan sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina.

Majlis Penasihat Kesihatan berperanan menjana idea ke arah memperkasakan sistem kesihatan negara, selain membantu kerajaan merangka hala tuju baharu memperkasa Kementerian Kesihatan ke arah kelas dunia.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly menggalakkan orang ramai menjalankan ujian saringan dan pengesahan awal penyakit kanser kerana penyakit itu direkodkan sebagai penyebab kedua tertinggi kematian dalam kalangan rakyat di negara.

Menurutnya, dianggarkan 60 peratus penyakit kanser di negara ini dikesan pada tahap lewat iaitu Tahap 3 dan 4. - Bernama

**AKHBAR : THE SUN****MUKA SURAT : 2****RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

## Obesity-related cancer on the rise among millennials

**BY ASHWIN KUMAR**

newsdesk@thesundaily.com

**KUALA LUMPUR:** Studies found that obesity-related types of cancer is one of the 12 most prevalent forms of the disease, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said obesity-related cancer is at the paramount level among millennials and most of the cases are only being detected at the late stage.

"About 60% of the patients are part of this group. The diagnosis can be done at all health clinics," he told reporters after visiting Ampang Hospital in conjunction with Chinese New Year yesterday.

Dzulkefly pointed out that there is a shortage of oncologists in the country, particularly in the public health sector.

Earlier this week, a report by the American Cancer Society published in *The Lancet Public Health*, found that cancer fuelled by obesity is on the rise among young adults in the US and appearing at increasingly younger ages.

On a separate matter, Dzulkefly said the



Dzulkefly speaking to hospital staff during his visit.  
— BERNAMAPIX

Health Ministry is collaborating with private hospitals to address the shortage of expertise on chronic diseases.

He said some private hospitals had approached the ministry a month ago and showed that they were eager to work with the

government in this matter.

The ministry has set up a health advisory council to work out the details.

"We are looking at how we can enhance cooperation with the private sector," Dzulkefly added.